

# Mohd Mustafa Diumum Antara 35 Top Research Scientist Malaysia



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mohd. Mustafa Al Bakri Abdullah diumumkan sebagai salah seorang penerima anugerah *Top Research Saintis Malaysia* (TRSM) 2013 dalam satu majlis anjuran Akademi Sains Malaysia yang dirasmikan

oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak. Selain itu, Mohd. Mustafa juga merupakan penerima termuda anugerah TRSM pada tahun ini dan boleh menggunakan gelaran TRSM selama lima tahun.

Mohd. Mustafa melahirkan rasa syukur dengan pengiktirafan tertinggi dalam ranking penyelidikan di Malaysia dan berazam akan memanfaatkan anugerah tersebut untuk terus membudayakan penyelidikan di kalangan generasi muda di Malaysia.

Anugerah TRSM 2013 dianjurkan bertujuan untuk mengenalpasti tokoh-tokoh penyelidikan untuk dijadikan mentor dalam melahirkan generasi baru saintis negara selain menjadi ketua dalam melaksanakan agenda Sains, Teknologi dan Inovasi.